

Headline	UMUM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 May 2016	Color	Full Color
Section	Letters	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	161 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,182
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,546



## UMUM

■ SELAMAT bertugas kepada Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) yang baharu, Datuk Muhammad Ibrahim. Semoga bahasa Melayu dapat digunakan sepenuhnya dalam semua urusan di bank berkenaan selepas ini.

**012-302XXXX**

■ TAHNIAH kepada Gabenor BNM yang baharu. Selama 32 tahun bersama bank berkenaan, sudah pasti beliau mempunyai pengalaman luas.

**MATUPOUANG**

■ SEDIH apabila membaca berita kes anak tertembak ibu sendiri di luar negara. Harap kejadian sebegitu tidak terjadi di negara ini.

**019-575XXXX**

■ POLIS telah bertindak pantas menahan lelaki mendakwa dirinya Datuk Undang Naning yang melakukan kegiatan memberi anugerah dan pingat kebesaran palsu kepada orang awam. Syabas!

**019-543XXXX**

■ TERKEJUT apabila melihat gerai-gerai kotor diserbu DBKL. Peniaga jangan hanya sibuk mengaut keuntungan semata-mata hingga lupa menjaga kebersihan.

**017-655XXXX**

■ SEMOGA Datuk Johan Abdullah yang dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji berkuat kuasa 1 Julai

ini dapat menjalankan tugas dengan cemerlang.

**019-675XXXX**

■ GEMBIRA melihat pencapaian atlet negara. Nauraj Singh Randhawa memahat sejarah sebagai atlet lompat tinggi pertama Malaysia yang melayakkan diri ke Sukan Olimpik secara merit.

**016-456XXXX**

■ SYABAS kepada penganjur Minggu Sahar Amanah Malaysia yang berjaya mencatatkan umlah keseluruhan pengunjung sebanyak 215,000 orang. Tingkatkan usaha untuk memberi lebih banyak pengetahuan mengenai pelaburan kepada rayat.

**AINI**

■ DALAM berita televisyen memaparkan pitak berkuasa menyerbu tempat judi di Kelantan dan antara individu yang ditahan ketika berjudi memakai ketayap. Di mana letaknya Islam yang dilaulungkan di negeri Serambi Mekah selama ini?

**Y48**

■ SIAPA sangka daun beko mempunyai potensi untuk mengubati kanser serviks. Penyelidikan mengenai herba di negara ini patut diperluas. Mungkin banyak lagi khasiat herba yang belum kita sedari.

**012-781XXXX**

■ JADILAH individu yang tahu apa yang dia tahu dan tahu apa yang dia tak tahu. Jangan memandaimandai serta menokok tambah perkara yang kita tak tahu atau tak faham. Fikir-fikirkanlah.

**SEMUT API**